

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh
[Sandakan]
TARIKH : 2.4.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mengapa banyak kontrak perkhidmatan untuk sekolah-sekolah di Sabah yang diberi kepada syarikat-syarikat atau individu-individu yang berasal dari luar Sabah; dan
- (b) adakah rakyat Sabah begitu kurang keupayaan seperti dalam bidang kawalan keselamatan (*security guard*) dan sebagainya, sehingga pihak sekolah hanya dapat mengadu melalui telefon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) bagi negeri Sabah dilaksanakan secara tender terbuka dan ditawarkan kepada semua syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri kerana didapati hanya 0.8 peratus sahaja syarikat PKK yang berdaftar bagi negeri Sabah. Bilangan kontrak kawalan keselamatan di sekolah bagi negeri Sabah adalah melebihi bilangan syarikat yang berlesen iaitu sebanyak 160 kontrak bagi tempoh tiga tahun ke belakang (2011, 2012 dan 2013) dan

bagi tahun 2014 tiada satu pun syarikat milik rakyat Sabah berjaya mendapat kontrak ini. Justeru, tender PKK bagi Negeri Sabah ditawarkan kepada semua syarikat PKK yang berdaftar dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tender Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) dan Bekalan Makanan Bermasak (BMB) Negeri Sabah, penganugerahan kepada syarikat yang berjaya hanya kepada syarikat tempatan berdasarkan lokaliti kawasan yang ditender.